

UPM garis 12 inisiatif jadi pusat kecemerlangan

Oleh Norzilawati Abd Halim

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menggariskan 12 inisiatif bagi menjadikannya sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardiae.

Beliau berkata sepuluh daripada inisiatif itu membabitkan penubuhan pelbagai pusat institut dengan peranan masing-masing, iaitu Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan bagi mengenal pasti, menganalisis serta memberi opsyen dasar kepada masalah utama sektor berkenaan.

Institut Makanan Halal sebagai pusat rujukan sistem pengesahan dan pensijilan makanan halal; Institusi Biokomposit Tropika (menjalan-

kan penyelidikan penerokaan bio-komposit bagi pembangunan produk baru); Pusat Pengembangan Pertanian (menjalankan kajian pengembangan dan memberi latihan kepada ejennya).

Pusat Pembangunan Usahawan Tani (mengikubasi dan melahirkan usahawan pertanian); Pusat Kajian Strategik dan Inovasi Pertanian (menumpukan penyelidikan dalam keselamatan dan kualiti makanan, makanan fungsian dan ramuan makanan bernilai tinggi serta teknologi pemprosesan makanan maju dan inovatif).

Pusat Mekanisasi dan Pengautomatan Pertanian dan Makanan (menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan mengenai mekanisme dan pengautomatan secara berterusan dalam

mekanisasi dan pengautomatan untuk sektor pengeluaran pertanian dan makanan).

Perpustakaan, Konsevatorium dan Muzium Pertanian (meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Rujukan Pertanian); Pusat Matrikulasi Pertanian (pusat bimbingan dan persediaan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia menceburii bidang pertanian) serta Sekolah Pengajian Siswa-zah Pertanian (untuk menawarkan program latihan dan penyelidikan mantap bagi pelajar sarjana sains dan doktor falsafah UPM).

Dua lagi inisiatif katanya, ialah memperkenalkan program baru, iaitu Bachelor Pertanian (Pengeluaran Teranagan), Bachelor Pertanian (Akuakultur), Bachelor Sains (Perkhidmatan Makanan) dan Bachelor Sains dan Teknologi Kayu serta membangun-

kan Taman Pertanian Universiti bagi menyediakan kemudahan pengajaran dan penyelidikan terbaik serta terkini untuk melatih pelajar dalam bidang pertanian.

Beliau berkata, kesemua inisiatif itu telah dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi awal bulan lalu.

"Inisiatif ini selaras pengumuman Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2005 bahawa UPM akan dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian. Perdana Menteri memberi maklum balas baik dan memberi jaminan akan menimbulangkan inisiatif ini.

"Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga meminta UPM memberi butiran lanjut mengenai penubuhan Pusat Matrikulasi Perta-

nian, selain bersetuju meluluskan penubuhan Pusat Pengembangan Pertanian. Kita menjangkakan kerajaan akan meluluskan beberapa lagi inisiatif yang dicadangkan," katanya pada Majlis Hari Apresiasi Staf UPM, di Serdang, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof Dr Muhamad Awang; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Azali Mohamed dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Sehubungan itu, Dr Mohd Zohadie meminta warga universiti itu bukan saja terus bersemangat memberi komitmen dan daya usaha terbaik dalam melaksanakan segala tanggungjawab itu, malah dapat meningkatkan lagi produktiviti.